

24 OCT 2002
S'pura-Air/I
S'PURA KATA IA MASIH MAHU BELI AIR DARI M'SIA

SINGAPURA, 24 Okt (Bernama) -- Singapura sekali lagi menyatakan bahawa ia mahu membeli air dari Malaysia selepas 2061 apabila Perjanjian Air 1962 tamat, jika harganya munasabah.

"Adalah tidak betul untuk menyatakan bahawa Singapura "tidak menunjukkan minat untuk mencapai persetujuan mengenai air," kerana Singapura mahu membeli air dari Malaysia selepas 2061 apabila Perjanjian Air 1962 tamat, jika harganya munasabah," menurut jurucakap Kementerian Hal Ehwal Luar (MFA) dalam satu kenyataan di sini.

MFA mengulas kenyataan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilaporkan dalam The Straits Times semalam bahawa "Setiap kali kita pergi ke Singapura, mereka hanya mahu bercakap mengenai air. Kecuali kita selesaikan masalah itu, kita tidak boleh buat apa-apa. Jadi saya kata, baiklah, kita fokus pada air."

Jurucakap itu berkata adalah juga tidak betul bahawa Singapura hanya mahu tumpukan pada air.

"Malahan, Singapura telah memohon untuk membincangkan semua isu sebagai satu pakej, Singapura telah bersedia sedia untuk membincangkan perkara seperti jambatan untuk menggantikan Tambak atas permintaan Malaysia. Malaysia yang tidak mahu meneruskan pendekatan pakej," kata jurucakap itu.

Kementerian itu turut mengeluarkan petikan isi kandungan surat daripada Dr Mahathir kepada Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong untuk menguatkan hujahnya.

MFA menyatakan bahawa dalam surat itu yang bertarikh 7 Okt, Dr Mahathir memberitahu Goh bahawa: "Malaysia kini memutuskan untuk tidak meneruskan pendekatan pakej dan akan memberi keutamaan untuk lebih dahulu menyelesaikan isu air yang telah lama tertangguh, terutamanya semakan harga air mentah."

Surat itu ditulis sehari sebelum Goh mengunjungi beliau di Putrajaya pada 8 Okt. "Perdana Menteri Goh tidak tahu menahu mengenai surat ini sehingga beliau menerimanya pada 10 Okt," kata jurucakap itu.

"Keputusan Malaysia untuk tidak meneruskan pakej itu tidak diusulkan kepada Perdana Menteri Goh dan untuk bertanya sekiranya Perdana Menteri Goh bersetuju," menurut jurucakap itu.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa "masih ada ruang bagi keseimbangan, tetapi saya berpendapat tidak ada minat di pihak Singapura untuk bertolak ansur", Singapura menyatakan ia sentiasa menggesa isu pakej itu dipertimbangkan bersama-sama kerana ia membolehkan keseimbangan dan bagi mencapai penyelesaian saling bermanfaat.

Singapura, menurut jurucakap itu, telah menawarkan pelbagai keseimbangan bagi mencapai penyelesaian saling bermanfaat sebagai sebahagian pakej itu.

Mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa Singapura telah menurunkan tawarannya daripada 45 sen kepada 12 sen, jurucakap itu berkata: "Ini merupakan salah tafsir terhadap pendirian Singapura.

"12 sen itu bukannya tawaran dari Singapura. Ia adalah kiraan Singapura bagi harga semakan air mentah sekiranya kita meneruskannya berdasarkan faktor dalam klausa-klausa semakan. Perkara itu telah dijelaskan kepada delegasi Malaysia dalam perbincangan di Johor Baharu bahawa 12 sen itu bukannya tawaran tetapi kiraannya," kata jurucakap itu.

"Tawaran kita sebelum ini iaitu 45 sen bagi bekalan air sekarang adalah selaras dengan tawaran Malaysia iaitu 60 sen bagi bekalan air di masa

depan.

"Tetapi Malaysia menarik balik tawarannya pada 4 Mac 2002 dan mengemukakan cadangan baru dengan menaikkan harga air sekarang kepada RM3. Sebenarnya, mereka menolak tawaran 45 sen itu, yang tidak lagi dibincangkan. Malaysia kini mahu menunda perbincangan mengenai harga dan kuantiti air di masa depan hingga 2059," kata jurucakap itu.

Oleh kerana Malaysia secara satu pihak telah mengetepikan pakej itu, Singapura tidak mempunyai pilihan selain mematuhi Perjanjian-perjanjian Air itu, katanya.

Jurucakap itu turut merujuk kepada kenyataan rasmi Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar pada Mesyuarat Peringkat Menteri pada 1-2 Julai bahawa Malaysia akan meneruskan isu semakan harga itu "konsisten dengan peruntukan dalam dua Perjanjian itu".

Setakat ini, beliau berkata Malaysia masih belum memberikan sebarang justifikasi bagi cadangan semakan harganya ataupun memberikan penjelasan bagaimana cadangan itu konsisten dengan faktor yang tersenarai dalam Perjanjian-perjanjian Air itu.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa Singapura enggan membayar harga lebih tinggi daripada tiga sen, jurucakap itu mengulangi pendirian Singapura bahawa Malaysia tidak lagi mempunyai hak daripada segi undang-undang bagi semakan harga.

"Tetapi Singapura bersedia membincangkan semakan harga itu sebagai sebahagian pakej yang termasuk bekalan air di masa depan selepas 2061. Kami menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan di Johor Baharu pada 16-17 Oct 2002 bagi membolehkan kami membincangkan semua aspek isu air tetapi Malaysia bukan sahaja menarik balik pakej itu malah mahu menunda perbincangan bagi bekalan air di masa depan sehingga 2059," kata jurucakap itu.

-- BERNAMA
SS JK RHM